

**PERKEMBANGAN REKABENTUK GASING DAN  
ELEMEN SENI YANG DIGUNAKAN DI DALAM  
REKABENTUK GASING DI MALAYSIA**

**OLEH :**

**SOHANA BTE JANI**

**NO : Matrik**

**95434422**

**IJAZAH SARJANA MUDA SENI LUKIS & SENI REKA  
FAKULTI SENI LUKIS DAN SENI REKA  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA**

**SESSI 1998 / 1999**

**PERKEMBANGAN REKABENTUK GASING DAN  
ELEMEN SENI YANG DIGUNAKAN DI DALAM  
REKABENTUK GASING DI MALAYSIA**

**Disediakan oleh**

**SOHANA BTE JANI**

**No . Matrik**

**95434422**

**Tesis ini dikemukakan kepada**

**Fakulti Seni Lukis & Seni Reka**

**Institut Teknologi Mara**

**Sebagai memenuhi sebahagian daripada keperluan**

**Ijazah Sarjana Muda Seni Lukis & Seni Reka**

- i) Diperiksa oleh.....Tarikh.....
- ii) Diperiksa oleh.....Tarikh.....
- iii) Diluluskan oleh.....Tarikh.....

Dekan

Fakulti Seni Lukis & Seni Reka

Institut teknologi Mara

40450 Shah Alam

Selangor Darul Ehsan

## *Sinopsis*

Perkembangan rekabentuk gasing dan elemen seni yang digunakan di dalam rekabentuk gasing di Malaysia sebagai topik dalam penulisan tesis ini adalah bertujuan mengkaji secara khusus perkembangan dan elemen seni yang digunakan pada rekabentuk gasing.

Penulis telah menghuraikan dengan teliti satu persatu perkara-perkara yang hendak dikajinya seperti:

Di dalam bab satu, penulis cuba menerangkan mengenai permainan gasing serta perkembangan permainan tersebut dari tahun 70-an sehingga kini. Di dalam bab ini juga penghuraian yang agak terperinci dilakukan iaitu mengenai bagaimana bermulanya sistem atau persatuan yang telah ditetapkan dan sesuai digunakan oleh setiap negeri.

Bab dua pula penulis telah membuat kupasan yang lebih teliti lagi iaitu dari segi sejarah gasing dan adat-adat serta pantang larang yang perlu dipatuhi pada masa dahulu. Adat dan pantang larang ini berbeza mengikut kampung, daerah, mukim dan sebagainya.

Melalui bab ini juga penulis mengupas mengenai fungsi gasing dalam masyarakat melayu, adakah ia membawa kesan baik ataupun di sebaliknya.

Melalui bab tiga ini kupasan lebih tertumpu pada rekabentuk gasing serta perkembangannya berdasarkan kemudahan yang ada. Penemuan baru seperti penemuan bijih timah telah memberi banyak perubahan kepada rekabentuk gasing.

Di dalam bab empat ini pula penulis telah menghuraikan elemen seni yang digunakan di dalam rekabentuk gasing

( Gasing Melaka dan Kelantan )

Melalui bab ini juga penulis telah menghuraikan lebih kurang 24 jenis gasing serta rekebentuknya.

Peraturan-peraturan permainan gasing serta corak permainannya menjadi faktor utama kajian dalam bab lima ini dan di dalam bab enam pula penulis mengutarakan usaha-usaha kerajaan dan cadangan penulis untuk menggalakkan atau komersialkan permainan ini keperingkat antarabangsa.